

PM: Masalah kerajaan Islam

UM - 4 FEB 2002

Daripada KHALID MOHD

NEW YORK 3 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan Islam hari ini ialah penyelewengan agama oleh ulama politik dan kemunculan kumpulan yang menentang pembangunan.

Katanya, ulama politik menyelewengkan agama bagi memperoleh kuasa dan menghalalkan kepercayaan politik mereka manakala kumpulan menentang pembangunan menjadi ganas dan menuntut supaya 'kembali kepada Islam.'

Walaupun kedua-dua masalah tersebut mengganggu proses pembangunan, Perdana Menteri yakin Malaysia akan maju sebagai sebuah negara moden yang dibangunkan atas landasan dan pegangan Islam yang sebenar.

● Malaysia yakin pulih ekonomi lebih pantas — Muka 2

Berucap pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini hari ini, beliau mengingatkan, jika Islam tidak lagi kelihatan sebagai sebuah agama sederhana yang menyeru kepada keamanan, ini adalah kerana penyelewengan serta tafsiran tidak betul ulama-ulama politik itu.

Ucapannya bertajuk *Peranan Islam Dalam Negara Moden*.

Perdana Menteri menegaskan, ulama zaman dahulu menguasai pelbagai ilmu di samping ilmu tentang Islam.

Bagaimanapun, ulama-ulama politik hari ini menolak ilmu yang tiada kaitan dengan agama kerana takut kuasa dan kedudukan mereka dicabar.

Mereka, katanya, hanya tahu tentang bahagian-bahagian yang boleh digunakan untuk menyokong pandangan politik masing-masing terutama sekali tentang kononnya

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM - 4 FEB 2002

PM: Masalah kerajaan Islam

hanya ulama boleh memerintah negara.

Ini menyebabkan umat Islam hari ini ketinggalan dalam kebanyakan bidang ilmu dan tidak pula benar-benar tahu tentang Islam, ujar beliau.

Sudahlah begitu, kata Dr. Mahathir, setiap kali usaha dibuat untuk membawa negara Islam ke tahap kemajuan negara bukan Islam, akan muncul kumpulan yang menuntut supaya "kita kembali kepada Islam."

Kumpulan-kumpulan itu, menurut beliau, biasanya ganas dan sering juga mengisytiharkan 'jihad' terhadap kerajaan-kerajaan Islam yang berusaha membawa pembangunan.

Dengan dikepalai oleh ulama politik itu, mereka yang mundur ini bergantung kepada pertolongan dari langit.

Di Malaysia yang sudah pun sebuah negara Islam, katanya, kumpulan menyeleweng itu masih berkeras bahawa Malaysia negara sekular dan kera-

jaannya hendaklah dihindarkan, lebih elok secara kekerasan.

Perdana Menteri menjelaskan, masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam hari ini ialah penyelewengan daripada ajaran sebenar serta salah tanggapan tentang makna fundamentalis.

Beliau percaya jika umat Islam berpegang kepada ajaran yang sebenar, mereka tidak akan berpecah dan berpuak-puak dengan masing-masing mendakwa lebih Islam daripada yang lain.

Ini akan membawa kepada kemajuan ummah di mana negara-negara Islam akan ditadbir oleh mereka yang terlatih dan berkemahiran, membolehkan mereka bersaing di peringkat dunia.

"Dengan itu mereka akan mempunyai kepentingan dalam kestabilan dan keamanan antarabangsa dan akan berusaha mengekalkannya," kata Perdana Menteri.

Walaupun menghadapi

pelbagai serangan daripada puak melampau, Malaysia, kata Dr. Mahathir, berjaya dibangunkan menjadi sebuah negara maju yang moden kerana pegangannya kepada ajaran Islam yang sebenar.

"Islam bukan sekadar agama. Ia suatu cara hidup. Ia sepatutnya membawa keamanan, kestabilan dan kejayaan. Ia suatu cara hidup yang tidak mengenyahkan nilai rohani. Ia suatu cara hidup yang boleh membawa kebesaran kepada pengikutnya seperti mana ia pernah bawakan," ujar beliau.

Andainya Islam dilihat sebagai agama kolot, ganas dan tidak rasional, kata Dr. Mahathir, ia bukan kerana Islam itu sendiri, tetapi kerana pengikutnya telah menyeleweng daripada ajaran sebenar dan menodai ajarannya untuk memenuhi nafsu dan hasrat peribadi.

— Utusan